

26/02/2001

Fadzil harap perjumpaan jadi kenyataan

KUALA LUMPUR, Ahad - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, beliau masih menaruh harapan supaya pertemuan antara partinya dengan Umno menjadi kenyataan dan mahu jawatankuasa teknikal kedua-dua parti menyelesaikan isu yang dituntut oleh parti itu.

Ketua pembangkang di Dewan Rakyat itu berkata, adalah diharapkan jawatankuasa teknikal boleh berunding sepanjang pemergiannya mengerjakan haji di Makkah mulai hari ini hingga pertengahan Mac ini.

"Kami bukan meletakkan syarat sebelum pertemuan itu, tetapi kami cuma mengemukakan permintaan supaya hak kami dikembalikan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Majlis Tertinggi (MT) Umno dalam mesyuaratnya Khamis lalu menyatakan kesediaan untuk berbincang mengenai apa saja isu dengan Pas, asalkan parti pembangkang itu tidak meletakkan sebarang syarat.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar selepas mesyuarat itu berkata, Umno tidak dapat memenuhi syarat Pas seperti pemberian balik wang royalti kepada Terengganu dan penerbitan Harakah lapan kali sebulan kerana ia bukan dalam bidang kuasanya, walaupun ia boleh merujuk kepada kerajaan.

"Kalau kita sudah putuskan sesuatu perkara, apa perlunya perbincangan. Kalau satu pihak sudah dapat tuntutan mereka, apa perlunya perbincangan. Sebab itu kita tidak berkata kita tolak apa yang diputuskan (syarat) oleh Pas, tetapi kita nak supaya kita bertemu," katanya.

Bagaimanapun, Fadzil yang juga Ahli Parlimen Pendang berkata, permintaan Pas itu adalah soal mudah untuk diselesaikan dan terpulang kepada keikhlasan Umno untuk memenuhinya atau tidak.

Katanya, agak payah untuk mengadakan pertemuan jika Umno terus berdegil dengan permintaan itu dan Pas juga tidak menerima alasan bahawa isu berbangkit berada di dalam bidang kuasa kerajaan.

(END)